



Pelajar UPM dibantu kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang menanam pokok balak spesies meranti di Hutan Simpan Bukit Tinggi.

Pelajar UPM bantu pulihara hutan

Bentong: Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pelajar Kolej Universiti Sunway berganding bahu menanam pokok di Hutan

Simpan Bukit Tinggi, Chamang, dekat sini.

Kira-kira 30 pelajar asing dari Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand Kolej Universiti Sunway juga tidak

melepaskan peluang untuk turut serta.

Lebih menarik, mereka terpaksa menaiki lori kira-kira empat kilometer untuk ke lokasi program, berjalan

kaki dan mendaki bukit untuk menanam pokok

an sentiasa menjaga hutan, walaupun ada pembalakan.

Persekutuan sejuk

Pelajar UPM, Siti Aminah Syaid, 23, berkata, itu kali pertama dia menyertai program menanam pokok balak yang dianggap unik kerana sebelum ini dia tidak terfikir pokok balak ditanam oleh Jabatan Perhutanan.

Katanya, penat mendaki bukit hilang apabila berpeluang menanam pokok balak jenis meranti yang mampu hidup subur di Chamang dengan persekitaran yang sejuk.

Beliau berkata, pembabitan pelajar asing dalam program itu dapat memberi gambaran bahawa keraja-

Tanam pokok meranti

Rakannya, Amir Syazwan Manaf, 20, berkata kerjasama semua pihak penting dalam usaha kerajaan menghijaukan negara dan menjamin alam sekitar terus kekal.

“Saya berharap 15 pokok meranti yang ditanam ini menjadi tanda sokongan saya dan pelajar UPM terhadap usaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menanam 26 juta pokok,” katanya.

Selain meranti, program berkenaan berjaya menanam pokok spesies kapur dan kela-



Pelajar UPM membersihkan kawasan hutan.